

KEPERCAYAAN MONOTEISME¹ DI DALAM AGAMA HINDU

Oleh:

Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit

Abstract

This article reviews the doctrine of monotheism in Hindu Religion. It discusses the strength of the bases of monotheism, internal and external factors of Hindu monotheism doctrine and the practical theory of monotheism as stated in the holy book of Veda. The scope of this article is further broaden to include the aspects of worship, culture and superstition and social lives of the worshippers especially in view of practices of monotheism. Finally it is concluded that the doctrine of Hindu monotheism is greatly influenced by the aspect of politeism, directly and indirectly. Practically, Hindu monotheism theory has been adapted with respect to substances of polytheism especially in the worships.

PENDAHULUAN

Kepercayaan monoteisme di dalam sesuatu agama adalah menjadi teras kepada doktrin ketuhanan. Kepercayaan ini jugalah yang menjadikan sesuatu agama itu tergolong di dalam golongan agama langit atau agama kepercayaan. Monoteisme juga dari satu sudut, dipandang sebagai satu nilai sejagat kerana secara logiknya tidak ada agama yang mahu digolongkan ke dalam klasifikasi agama yang menyembah bermacam-macam tuhan. Klasifikasi monoteisme dan politeisme²

¹ Monoteisme diertikan sebagai "amalan dan kepercayaan kepada satu tuhan." Kepercayaan ini akan menjadikan manusia takut untuk melaksanakan perkara-perkara yang dimurkai tuhan dan takut kepada hal-hal yang merosakkan dirinya sendiri dan merosakkan orang lain. Lihat Reda, al-Sayed Muhammad Rashid (1365H.), *Tafsir al-Manār*, Dār al-Manār, j. 4, h. 63.

² *Politeisme* adalah istilah yang digunakan untuk membawa erti yang berlawanan dengan istilah *monoteisme*. Perkataan ini bererti amalan dan kepercayaan yang membawa kepada penyembahan dan pendewaan tuhan yang bermacam-macam atau banyak tuhan. Ukuran *politeisme* adalah dari aspek cara dan ritual penyembahan.

diberikan kepada sesuatu agama setelah diteliti dari dua sudut. Pertama; gambaran lahiriah tuhan yang disembah sama ada berbentuk spiritual atau dizahirkan dalam berbagai bentuk seperti patung atau sebagainya. Kedua; pembahagian yang dicipta sendiri oleh golongan sarjana atau pengkaji sesuatu agama berdasarkan amalan atau perbuatan penyembahan, jika perbuatan penyembahan itu berdasarkan kepada sesuatu yang nyata dan dapat dilihat, ia digolongkan dalam kategori politeisme, begitulah kategori sebaliknya.

Walau apapun kategori sesebuah agama itu, unsur monoteisme tetap wujud, hanya cara penyembahan yang membezakan. Di dalam agama Hindu misalnya, walaupun agama ini tergolong di dalam agama politeisme, unsur monoteisme tetap wujud sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengklasifikasian agama Hindu di dalam kumpulan agama politeisme mempunyai asasnya yang tersendiri jika dilihat daripada pelbagai aspek doktrin ketuhanan dan cara penyembahan sebagaimana berikut;³

1. Doktrin ketuhanan di dalam agama ini tidak mempunyai asas yang kukuh untuk dihubungkan dengan aspek keesaan tuhan. Malah dari sudut sejarah juga, tidak ada keterangan yang jelas tentang permulaan dan asas untuk dikaitkan dengan monoteisme.
2. Tidak tercatat di mana-mana buku kajian tentang agama Hindu ini unsur-unsur sangkutan antara agama ini dengan konsep keesaan tuhan seperti kerasulan, wahyu dan kepercayaan spiritual lain yang berkaitan dengan keesaan tuhan.
3. Tambahan pula, sifat-sifat penyembahan agama ini secara zahirnya menampakkan penyembahan tuhan yang bermacam-macam seperti Brahma, Vishnu dan Siva.

Oleh yang demikian, tulisan ini bukan untuk mengubah klasifikasi agama ini, tetapi sebaliknya untuk melihat unsur-unsur monoteisme dari pelbagai sudut doktrin ketuhanan yang terdapat dalam agama tersebut, termasuk dari sudut sejarah perkembangan doktrin ketuhanannya, latarbelakang monoteisme yang dilihat dari sudut sejarah agama Hindu, cara penyembahan yang mempunyai unsur monoteisme dan beberapa amalan monoteisme yang wujud dalam agama ini.

³ Lihat R. Pierce Beaver, Emeritus Professor (1982), *A Lion Handbook, The World's Religions*, Oxford: Lion Publishing Plc, h. 170-73.

LATARBELAKANG DOKTRIN KETUHANAN AGAMA HINDU

Agama Hindu adalah satu agama yang tidak jelas asal-usulnya. Tidak tercatat di mana-mana sumber, sama ada sumber primer atau sekunder keterangan tentang seseorang yang boleh dijadikan pengasas agama tersebut, malah tarikh munculnya agama ini juga tidak dapat dipastikan dengan jelas. Sesetengah pengkaji mengatakan agama ini muncul sejak 1500 tahun sebelum Masehi, sesetengahnya pula mengatakan ia muncul sejak 3000 tahun sebelum Masehi. Walaupun tarikh kemunculannya masih samar, terdapat beberapa asas yang boleh menyokong kewujudannya sebelum kurun Masehi lagi;⁴

1. Agama Hindu berpunca daripada amalan dan budaya sebuah masyarakat agong, iaitu kaum Arya yang dikatakan telah berhijrah ke benua kecil India sejak zaman sebelum Masehi lagi.
2. Terdapat unsur kepercayaan agama selepas tahun Masehi yang menggunakan teras kepercayaan dan budaya masyarakat Arya ini seperti unsur ketigaan dalam tuhan (*trinity*) dan penyembahan dewa-dewa seperti yang terdapat di dalam agama-agama *wad'i* yang lain.
3. Penggunaan susunlapis masyarakat dan pentadbiran yang menyerupai amalan dan budaya masyarakat Arya seperti kasta dan lain-lain wujud dan digunakan oleh tamadun-tamadun yang lahir selepas tahun Masehi.

Dari sudut doktrin ketuhanan, agama ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu;

1. Doktrin ketuhanan cendekiawan - iaitu jenis yang berkaitan dengan amalan doktrin ketuhanan para cendekiawan, ilmuwan dan golongan bangsawan orang-orang Arya yang selepas itu disebut sebagai golongan Brahman. Golongan ini mengamalkan satu bentuk doktrin ketuhanan yang agak berasas dan mempunyai unsur-unsur penyembahan yang lebih tersusun dan teratur bersesuaian dengan status quo golongan ini.
2. Doktrin agama bawahan - iaitu jenis yang berkaitan amalan doktrin ketuhanan golongan masyarakat asal atau asli penduduk benua kecil India sebelum kedatangan masyarakat Arya. Para pengkaji dan sarjana Barat menentukan golongan yang dikatakan penduduk asal benua kecil India berdasarkan kepada kerja yang dilakukan oleh kelompok masyarakat pada masa itu. Pembahagian ini masih lagi mengekalkan istilah Sanskrit yang digunakan secara meluas di benua tersebut pada masa itu. Antara golongan

⁴ Lihat Muhammad 'Abd al-Salam, "Falsafah al-Hind (Thaqafah al-Hind)", di dalam *Jurnal Al-Adyan al-Madi*, Mac 1983, Misr, h. 19.

penduduk asal ialah golongan Kshatriya, iaitu golongan perajurit atau tentera yang pada bila-bila masa boleh diarah untuk berperang oleh golongan Brahman. Seterusnya ialah golongan Vaishya, iaitu golongan para petani dan peniaga yang menjadi golongan profesional dalam bidang mereka. Golongan yang terakhir ialah golongan Shundra, iaitu golongan yang 'makan gaji' dengan mengambil upah buruh sama ada kepada golongan Brahman atau golongan Kshatriya. Semua kelompok masyarakat ini mengamalkan doktrin ketuhanan yang berkaitan dengan keadaan alam semulajadi yang mengelilingi mereka seperti alam semulajadi yang berkaitan dengan matahari, tumbuh-tumbuhan dan bencana-bencana alam semulajadi. Unsur monoteisme di dalam amalan kedua ini hampir tiada atau hampir tidak dapat dikesan.

Setelah berevolusi terlalu lama, dengan perubahan keadaan dan desakan hidup, akhirnya pada permulaan pertama Masehi terdapat percampuran dari sudut praktis kedua-dua doktrin yang asalnya diamalkan oleh dua golongan yang berbeza ini. Ini menjadikan unsur monoteisme yang pada asalnya banyak diamalkan oleh golongan yang pertama sudah bercampur-baur dan sukar untuk dikesan. Walaupun begitu, suatu perkara yang pasti bahawa unsur monoteisme akhirnya menjadi asas kepada beberapa kepercayaan agama ini, cuma bentuk penyembahan yang dilihat terus-menerus bercampur-campur. Akhirnya, jadilah agama ini suatu agama yang mempunyai unsur-unsur monoteisme dari sudut kepercayaan tetapi diterjemahkan di dalam unsur politeisme dari sudut penyembahan. Tumpuan tulisan ini ialah untuk melihat unsur-unsur monoteisme, terutama sekali yang dahulunya dipraktikkan oleh masyarakat Brahman.

LATARBELAKANG MONOTEISME DI DALAM AGAMA HINDU

Diskusi secara ilmiah berkaitan dengan monoteisme di dalam agama Hindu ini akan dihuraikan berdasarkan kronologi sejarah perkembangan agama ini agar konsep tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas, terutama untuk memisahkan kepercayaan unsur monoteisme ini berdasarkan doktrin ketuhanan yang dianuti oleh golongan Brahman. Cara ini juga dapat menjelaskan bagaimana akhirnya berlaku percampuran anutan monoteisme ini antara dua golongan iaitu anutan golongan Brahman dan anutan golongan penduduk asal dari golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra sehingga corak penyembahan agama ini dipandang berunsurkan politeisme.

Secara umumnya kepercayaan monoteisme wujud di dalam agama ini melalui tiga peringkat perkembangan sejarah agama ini seperti berikut;

1. Peringkat pertama - yaitu kewujudan unsur monoteisme di dalam doktrin ketuhanan dalam tempoh seratus tahun pertama selepas kemunculan agama Hindu. Pada masa ini masyarakat Brahman berada di kemuncak kekuasaan sama ada dari sudut kekuatan fizikal mahupun dari sudut kepercayaan spritual. Dari sudut kepercayaan spiritual, golongan ini mendominasi semua sudut anutan sama ada dari sudut kepercayaan mahupun cara penyembahan. Amalan penguatkuasaan *kasta*, iaitu susunlapis masyarakat di mana golongan Brahman dianggap golongan yang paling mulia dan hampir menyamai tuhan dalam masyarakat telah banyak membantu golongan tersebut mendominasi dan mengawal golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra dari sudut anutan kepercayaan. Walaupun pada asasnya unsur monoteisme yang diamalkan tersebut adalah berdasarkan kepada kebudayaan dan praktis hidup yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi, namun ciri-ciri monoteismenya agak jelas. Keadaan ini juga menjadi asas kepada kekuatan golongan Brahman yang boleh dikatakan sebagai golongan penakluk kepada penduduk asal di benua kecil India.⁵

Pada masa ini, Veda (kebudayaan) golongan Brahman banyak ditumpukan kepada doktrin ketuhanan dan penguatkuasaan amalan kemasyarakatan. Antara unsur-unsur utama yang ditanamkan pada masa ini termasuklah;

- i. Konsep ketuhanan yang termasuk ciri-ciri ketuhanan, kekuasaan ketuhanan, kepercayaan monoteisme dan cara penyembahan.
- ii. Kepercayaan utama yang berkaitan dengan kejadian, undang-undang (Karma) dan pengembalian manusia selepas mati (Samsara) seperti pengembalian roh (Mokhsa) dan pembebasan mutlak (Atma).
- iii. Peraturan-peraturan susunlapis masyarakat dan kesuciannya seperti *Kasta* dan lain-lain peraturan masyarakat.

Unsur monoteisme di dalam doktrin ketuhanan dapat dilihat dengan jelas terutama sekali yang menyentuh konsep ketuhanan. Berikut adalah satu contoh syair-nyanyian (*hymna*), terjemahan dari Bahasa Sanskrit yang diambil dari Rig Veda. Syair - nyanyian - ini menerangkan konsep ketuhanan menerusi bait-bait kata pujian terhadap tuhan Indra, tuhan segala tuhan;⁶

*Dialah yang tertinggi dari segala-galanya dan maha tinggi
Tuhan segala tuhan mempunyai kekuatan yang di atas
Di depan kekuasaannya yang maha perkasa*

⁵ R. Piere Beaver, *op.cit.*, h. 177.

⁶ Lihat V.P Hemant Karirtkar (1989), *Hinduism (The Great Epics)*, U.K: Stanley & Thomas Pub., h 77.

*Menggeletar bumi dan langit yang tinggi
Wahai manusia, dengarlah gurindamku
Sesungguhnya dialah Indra tuhan alam semesta*

* * * *

*Dialah yang menundukkan kuasa jahat di langit
Memutarkan bulan yang murni dan besar
Memasuki gua yang penuh bahaya dan kekotoran
Mengeluarkan lembu betina yang cantik dari rahim
Menyalakan api dari sinaran kilat di awan*

* * * *

*Tentera yang maju dalam pertempuran
Menyerunya memohon pertolongan dalam peperangan
Orang yang mulia berseru dengan nama baiknya
Orang yang hina menyebut namanya dengan lidah mereka
Panglima perang di atas kereta perang
Berdoa meminta pertolongan tuhan Indra*

Bait-bait di atas jelas menunjukkan wujudnya unsur monoteisme di dalam doktrin ketuhanan. Pergantungan kepada tuhan Indra, iaitu tuhan segala tuhan dan dengan ciri-ciri kekuasaan tuhan Indra ini menyerupai pergantungan dan ciri ketuhanan monoteisme yang terdapat dalam agama-agama yang digolongkan di dalam kategori agama monoteisme.

2. Peringkat kedua - iaitu kewujudan unsur monoteisme di dalam doktrin ketuhanan bermula dari lima puluh tahun hingga seratus tahun selepas peringkat pertama. Senario pada zaman ini ialah bertambah meluasnya penaklukan fizikal dan mental golongan Brahman ke atas golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra. Doktrin ketuhanan peringkat pertama memerlukan penghuraian yang lebih mendalam dalam bentuk yang boleh difahami oleh golongan yang dipengaruhi.⁷

Kecenderungan golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra pada masa itu pula mengamalkan konsep ketuhanan yang lebih dipengaruhi oleh keadaan semulajadi atau dengan kata lain mereka mengamalkan konsep ketuhanan yang berdasarkan kepada konsep animisme. Unsur-unsur semulajadi seperti matahari, bulan, api,

⁷ R. Pierce Beaver, *op.cit.*, h. 183.

keadaan cuaca yang tidak menentu seperti bencana alam, misalnya kemarau, banjir dan seumpamanya menjadi asas kepada anutan tiga golongan penduduk asal. Dari satu sudut, pengembangan doktrin ketuhanan perlu dikembangkan kepada tiga golongan penduduk asal ini. Walau bagaimanapun dari satu sudut yang lain, pengaruh doktrin ketuhanan penduduk asal juga meresap ke dalam doktrin masyarakat Brahman.

Bagi menghuraikan monoteisme di dalam doktrin ketuhanan pada masa ini, konsep *ketigaan* (*trinity*) yang muncul dan berkembang kini adalah konsep terbaik untuk difahami. Umumnya, konsep *ketigaan* ini dilihat sebagai doktrin ketuhanan yang mencampurkan doktrin ketuhanan masyarakat Brahman dengan doktrin ketuhanan yang diamalkan oleh masyarakat asal. Melalui cara ini, cengkaman dan penguasaan masyarakat Brahman kepada penduduk asal bertambah kuat.

Konsep *ketigaan* di dalam agama Hindu adalah konsep pengasingan kekuasaan tuhan kepada tiga kuasa. Dalam erti kata lain, satu tuhan mempunyai dan mengawal tiga kuasa. Sebenarnya tidak terdapat di mana-mana himpunan buku suci agama ini yang menggunakan nama khas bagi konsep *ketigaan* ini. Penamaan *ketigaan* adalah diberikan oleh ilmuwan dan pengkaji agama ini sahaja. Ini berdasarkan kepada pengasingan kuasa tuhan kepada tiga kuasa dan ditambah pula dengan cara penyembahan dan pendewaan penganut agama ini yang berbeza-beza terhadap ketiga-tiga kekuasaan tuhan tersebut.

Menurut buku suci Bajapanaburana, iaitu salah satu dari himpunan buku suci agama Hindu, konsep ini adalah merujuk kepada tiga kekuasaan tuhan iaitu Brahma; tuhan yang mewujudkan dan menjadi pencipta, tuhan Vishnu; tuhan yang memelihara dan tuhan Siva; tuhan pembinasakan. Buku suci ini juga menerangkan tentang penamaan nama tuhan Brahma. Brahma menurut buku ini adalah nama tuhan yang mengandungi dua unsur kekuasaan, iaitu kekuasaan tuhan dan kekuasaan masyarakat Brahman sebagai masyarakat yang agong.⁸ Dilihat dari sudut penamaan ini, pengaruh golongan Brahman disamakan dengan kekuasaan tuhan.

Di dalam buku Bajapanaburana ini juga terdapat beberapa dialog yang boleh menerangkan tentang konsep *ketigaan* yang diamalkan oleh penganut agama Hindu. Antaranya ialah satu dialog di antara seorang Sami (Sadhu) dengan tuhan Brahma, tuhan Vishnu dan tuhan Siva. Sami (Sadhu) tersebut bertanya kepada ketiga-tiga tuhan: “Siapakah di antara kamu tuhan yang sebenar?” Ketiga-tiga tuhan tersebut menjawab: “Ketahuilah wahai Sami (Sadhu), di antara kami tidak ada perbezaan langsung. Tuhan yang satu lahir dengan tiga rupa mengikut kekuasaannya, iaitu

⁸ V.P Hemant Karirkar, *op.cit.*, h. 79.

mencipta, memelihara dan membinasa, tetapi sebenarnya dia adalah satu. Sesiapa yang menyembah salah satu atau ketiga-tiganya, maka seolah-olah ia menyembah yang tunggal lagi maha tinggi”

Jika diteliti daripada konsep *ketigaan* ini, terdapat unsur-unsur monoteisme yang masih wujud dan masih lagi dikekalkan dalam doktrin ketuhanan agama Hindu. Kepercayaan kepada tuhan yang satu masih lagi dijadikan asas kepada *ketigaan* kekuasaan ini walaupun secara praktiknya telah dipecahkan kepada tiga kekuasaan. Kepercayaan kepada tuhan satu inilah dianggap sebagai unsur monoteisme. Kecenderungan pengkaji kini mengukur dari sudut penamaan *ketigaan* dan mengketegorkannya sebagai politeisme adalah tidak benar jika tidak difahami dan diteliti konsep tersebut secara mendalam.

3. Peringkat ketiga - iaitu peringkat percampuran unsur monoteisme dan unsur politeisme yang jelas di dalam doktrin ketuhanan. Percampuran ini lebih nyata jika dilihat dari sudut praktis dan cara penyembahan doktrin ketuhanan tersebut. Peringkat ini bermula dari permulaan Masehi hinggalah berlarutan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Peringkat ini lebih dilihat kepada pengembangan dari sudut praktis dan budaya penganut agama Hindu. Doktrin ini pada asalnya atau pada peringkat-peringkat sebelum ini memang menunjukkan unsur-unsur monoteisme yang jelas, tetapi setelah ia dibudayakan, jelas pula menunjukkan percampuran antara monoteisme dan politeisme.⁹

Terdapat beberapa sebab yang menonjol kenapa percampuran ini berlaku, antaranya ialah;¹⁰

- i. Menurunnya pengaruh masyarakat Brahman terhadap masyarakat asal atau penduduk tempatan kerana bertambahnya bilangan penduduk dari golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra.
- ii. Desakan dan tentangan terhadap beberapa peraturan terutama sekali yang berkaitan dengan susunlapis masyarakat atau *kasta* yang turut mempengaruhi doktrin ketuhanan.
- iii. Kewujudan agama lain yang cuba menjadi agama reformis kepada agama Hindu terutama sekali dari sudut doktrin ketuhanan seperti agama Buddha dan agama Sikh.
- iv. Wujud percampuran atau silang budaya antara golongan Brahman dengan golongan Kshatriya, Vaishya dan Shundra dalam beberapa perkara seperti perkahwinan, perniagaan dan lain-lain sudut.

⁹ R. Pierce Beaver, *op.cit.*, h. 185.

¹⁰ *Ibid.*

Bagi melihat unsur monoteisme yang telah bercampur dengan unsur politeisme pada peringkat ini, berikut dikemukakan beberapa ritual dan budaya penganut agama tersebut yang berkembang pada masa itu;

i. Pendewaan kepada patung.

Di dalam mempraktikkan teori monoteisme dalam kehidupan seharian, penganut agama Hindu telah cuba mengimejkan tuhan yang disembah dalam bentuk patung-patung. Patung-patung ini dicipta seolah-olah ia hidup, mendengar dan sedar dengan tujuan supaya mereka dapat menumpukan perhatian semasa penyembahan. Imej patung ini akan dipersiapkan dengan sebaiknya-baiknya, dimandikan dengan air wangi, disapu dengan bauan wangi dan diasapi juga dengan bauan wangi dan dihiasai dengan pakaian yang cantik berserta permata dan mutiara yang indah-indah sebelum sambutan besar-besaran diberikan kepadanya, seolah-olah ia tetamu agong.¹¹

Praktik ini jelas menunjukkan unsur-unsur politeisme walaupun dari sudut fahaman dan kepercayaan penganut agama Hindu, masih terkandung unsur-unsur monoteisme. Praktik ini jugalah yang menyebabkan pengkaji agama lebih berkecenderungan untuk mengkategorikan agama tersebut sebagai agama yang bercorak politeisme.

ii. Pembantu tuhan.

Kepercayaan kepada pembantu tuhan yang suci walaupun dari satu sudut, tiada kaitan dengan doktrin ketuhanan dan konsep monoteisme tetapi praktik dan pendewaannya menjadikannya sebahagian daripada pemahaman konsep ketuhanan Hindu. Kecenderungan penganut agama ini menjadikan binatang-binatang tertentu seperti gajah, lembu, ular dan monyet sebagai pembantu suci dan mendewakannya menambahkan lagi keyakinan bahawa agama ini secara praktikalnya adalah agama yang bercorak politeisme.¹²

Walaupun tidak diketahui dengan tepat bila bermulanya pendewaan kepada pembantu-pembantu suci ini, tetapi yang jelas praktik pendewaannya adalah seiring dengan pendewaan terhadap imej patung. Sememangnya tidak wujud di dalam konsep ketuhanan Hindu terutama yang menyentuh permasalahan monoteisme, pendewaan terhadap pembantu suci ini pada peringkat awalnya. Walau bagaimanapun, faktor integrasi antara masyarakat Brahman dan masyarakat asal menjadikannya wujud.

¹¹ *Ibid.*, h. 186.

¹² *Ibid.*

iii. Penjelmaan tuhan dalam pelbagai rupa.

Penganut agama Hindu percaya bahawa tuhan itu wujud dalam pelbagai rupa bagi membantu penganut-penganut agama Hindu menuju ke arah kesempurnaan (*atma*). Oleh kerana itu, penganut agama ini yang mempunyai berbagai-bagai masalah dan ketegangan hidup menyembah tuhan-tuhan dalam bentuk imej patung yang berbeza-beza.¹³ Walaupun wujud unsur monoteisme di dalam bentuk kepercayaan, iaitu kepercayaan terhadap tuhan yang satu, tetapi dari segi praktiknya penyembahan kepada patung yang mempunyai imej yang berbeza-beza, adalah dianggap sebagai unsur politeisme.

Kesimpulannya, pada peringkat ketiga ini telah berlaku percampuran antara doktrin ketuhanan yang berunsur monoteisme dan yang berunsur politeisme. Jika diteliti dari ketiga-tiga peringkat yang telah diutarakan, didapati unsur monoteisme itu wujud sebagai satu unsur sejagat di dalam agama Hindu. Kewujudan unsur monoteisme ini telah terhakis secara beransur-ansur setelah agama ini berevolusi terlalu lama. Kewujudan unsur monoteisme ini bertambah kabur bila agama tersebut dipraktikkan dalam bentuk amalan ritual atau penyembahan. Akhirnya tinggallah unsur monoteisme itu wujud dalam bentuk sesetengah kepercayaan sahaja.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dirumuskan bahawa unsur monoteisme sememangnya wujud di dalam agama Hindu. Ini kerana monoteisme adalah ukuran umum bagi sesuatu agama anutan. Perkara yang membezakannya ialah kepercayaan ini meliputi dua tahap iaitu tahap kepercayaan yang dipercayai dalam bentuk spiritual dan tahap penyembahan sebagai aplikasi dari kepercayaan spiritual tersebut.

Walaupun agama Hindu dilihat sebagai agama yang mempunyai unsur monoteisme yang kuat pada peringkat awal kemunculannya, tetapi setelah ia berevolusi terlalu lama, unsur monoteisme tersebut semakin lama semakin kabur. Kekaburan ini ditambah pula dengan cara penyembahan penganut agama tersebut yang jelas menunjukkan wujudnya unsur-unsur politeisme. Akhirnya tinggallah unsur monoteisme dalam doktrin ketuhanan agama ini dalam bentuk kepercayaan, tetapi jika dilihat dari aspek amalan ritual kelihatan unsur-unsur atau elemen-elemen yang bertentangan dengan konsep tersebut.

¹³ *Ibid.*